

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan statistik import makanan negara untuk setiap tahun dari Januari 2010 hingga Jun 2020 daripada lima negara teratas mengikut jenis-jenis makanan, nilai import dan jumlah berat kasar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Import makanan negara telah meningkat pada kadar purata 6.1% setahun daripada RM 30.2 bilion pada tahun 2010 kepada RM 51.4 bilion pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut dianggarkan kuantiti import adalah antara 12.7 juta metrik tan hingga 16.1 juta metrik tan bagi tempoh yang sama. Bagi tahun 2020 jumlah import makanan negara sehingga bulan Mei adalah sebanyak RM 23.0 bilion dengan anggaran kuantiti import sebanyak 6.9 juta metrik tan.
2. Lima (5) negara teratas import makanan dari tempoh Januari 2010 hingga Mei 2020 mengikut turutan adalah China, Thailand, Indonesia, Australia dan India.
3. Import makanan negara dari China adalah yang paling tinggi dicatatkan dengan nilai RM 51.6 bilion. Jenis-jenis makanan utama yang diimport adalah seperti berikut:

**SOALAN NO : 236**

Bil	Jenis Makanan	Nilai Import	Kuantiti (MT)
1	Sayur-sayuran	RM 18.2 bilion	6.36 juta
2	Buah-buahan	RM 7.5 bilion	1.55 juta
3	Ikan, krustasia, moluska	RM 9.8 bilion	0.86 juta

4. Negara kedua terbesar import makanan adalah Thailand dengan nilai RM 35.4 bilion. Jenis-jenis makanan utama yang diimport adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Makanan	Nilai Import	Kuantiti (MT)
1	Bijirin dan sediaan bijirin	RM 7.8 bilion	3.49 juta
2	Gula, sediaan gula dan madu	RM 6.9 bilion	4.74 juta
3	Ikan, krustasia, moluska	RM 4.3 bilion	0.95 juta

5. Negara ketiga terbesar import makanan adalah Indonesia dengan nilai RM 32.7 bilion. Jenis-jenis makanan utama yang diimport adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Makanan	Nilai Import	Kuantiti (MT)
1	Kopi, koko, teh dan rempah	RM 16.6 bilion	1.83 juta
2	Ikan, krustasia, moluska	RM 6.1 bilion	0.53 juta
3	Buah-buahan	RM 1.3 bilion	1.34 juta

6. Negara keempat terbesar import makanan adalah Australia dengan nilai RM 31.8 bilion. Jenis-jenis makanan utama yang diimport adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Makanan	Nilai Import	Kuantiti (TM)
1	Daging dan sediaan daging	RM 6.4 bilion	0.36 juta
2	Hasil tenusu	RM 4.1 bilion	0.48 juta
3	Buah-buahan	RM 1.3 bilion	0.14 juta

**SOALAN NO : 236**

7. Akhir sekali, negara kelima terbesar import makanan adalah India dengan nilai RM 31.2 bilion. Jenis-jenis makanan utama yang diimport adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Makanan	Nilai Import	Kuantiti (MT)
1	Daging dan sediaan daging	RM 13.0 bilion	1.07 juta
2	Sayur-sayuran	RM 4.3 bilion	3.29 juta
3	Kopi, koko, teh dan rempah	RM 4.9 bilion	0.58 juta

Sekian, terima kasih.